

## **Peningkatan Nilai Ringgit**

**oleh Dr Zulkipli Omar**

**Fello Penyelidik Kanan**

**Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER)<sup>1</sup>**

### 1. Apakah faktor yang menyokong peningkatan ringgit?

Peningkatan nilai ringgit adalah disebabkan oleh permintaan untuk ringgit yang tinggi. Permintaan ringgit di dorong oleh dua faktor utama, iaitu pengukuhan ekonomi dan sentimen yang positif terhadap negara. Kedudukan ekonomi yang kukuh antara lain ditunjukkan oleh pertumbuhan KDNK yang tinggi daripada jangkaan untuk tiga suku berturut-turut tahun lepas, peningkatan eksport dan peningkatan indeks pengeluaran perindustrian (IPP). KDNK untuk tahun 2017 tumbuh pada kadar 5.6%, 5.8% dan 6.2% masing-masing untuk suku pertama, suku kedua dan suku ketiga, melebihi jangkaan awal. Eksport kasar tumbuh pada kadar purata 20.7% untuk sebelas bulan pertama tahun lepas menyumbangkan kepada lebih jumlah dagangan sebanyak RM89.9 bilion untuk tempoh tersebut. IPP menunjukan trend peningkatan sepanjang tahun lepas. Untuk bulan November 2017, IPI tumbuh pada kadar 5.0% disokong oleh pertumbuhan indeks pembuatan yang tinggi iaitu 6.7%. Dalam pada itu kadar inflasi walaupun agak tinggi, iaitu pada kadar purata 3.9% untuk tempoh Januari-November 2017, namun ianya menunjukkan trend menurun melambangkan keberkesanan pengurusan dasar fiskal dan kewangan.

Sentimen yang positif terhadap ekonomi Malaysia didorong terutamanya oleh keadaan ekonomi yang kukuh serta disokong oleh komitmen kerajaan melaksanakan beberapa inisiatif reformasi seperti rasionalisasi subsidi dan pengukuhan integriti di dalam sistem. Dalam pada itu pengaliran modal jangka pendek dijangka positif semenjak akhir tahun lepas disokong oleh keadaan ekonomi yang kukuh seperti diterangkan di atas serta dipengaruhi juga oleh jangkaan peningkatan kadar faedah oleh Bank Negara. Indeks Komposit KL menunjukkan trend meningkat semenjak akhir tahun lepas. Keadaan ini juga memberi kesan positif kepada peningkatan nilai ringgit.

---

<sup>1</sup> Pandangan yang dikemukakan adalah milik pengarang dan tidak semestinya mewakili pandangan MIER.

## 2. Adakah trend pengukuhan ringgit akan berterusan?

Trend ini dijangka berterusan untuk tahun ini disokong oleh permintaan global yang sihat. Ekonomi utama dunia terus menunjukkan prestasi yang baik, terutama di kalangan rakan dagang negara, seperti AS, wilayah euro dan Jepun. Ekonomi China, walaupun tumbuh lebih perlahan namun masih memberi kesan positif terhadap eksport dari Malaysia dengan penurunan kadar cukai import terhadap barangan pengguna yang diumumkan oleh China baru-baru ini dari purata 17.3% kepada 7.7%. Namun begitu, kenaikan kadar faedah oleh bank pusat AS (Fed) dan Eropah (ECB) yang dijangka berlaku akan memberi tekanan menurun kepada nilai ringgit dipengaruhi oleh aliran modal jangka pendek. Namun kesemua kesan ini telah dijangka dan langkah-langkah awal yang bersesuaian dijangka dilaksanakan oleh semua pihak yang terlibat. Maka kesan terhadap ringgit adalah dijangka minimum.

Perlu juga diingat bahawa peningkatan nilai ringgit kini bukan berlaku secara mendadak. Ianya telah berlaku secara perlahan-lahan semenjak awal tahun lepas. Ringgit menunjukkan trend meningkat, mencatatkan peningkatan kira-kira 5.0% berbanding dengan “bakul mata wang” yang terdiri dari dolar Singapura, bhat Thailand, yen Jepun, yuan China dan dolar US. Manakala berbanding dengan US\$, ringgit telah meningkat sebanyak kira-kira 10.0% semenjak awal tahun lepas. Oleh itu momentum ini dijangka berterusan sekiranya tiada risiko yang signifikan mempengaruhi pertumbuhan ekonomi dunia dan negara.

## 3. Apakah manfaat kedudukan ringgit yang lebih tinggi kepada kerajaan, syarikat dan rakyat umum?

Kedudukan nilai ringgit yang tinggi memberi manfaat kepada kerajaan serta syarikat yang mempunyai hutang luar negara dari segi bayaran faedah dalam mata wang asing terutamanya US\$. Pelaburan syarikat-syarikat Malaysia keluar negara juga akan lebih murah. Dalam pada itu, barangan import yang biasanya didominasi di dalam US\$ menjadi lebih murah. Ini akan memberi manfaat kepada syarikat dari segi pengurangan kos pengeluaran jika mereka menggunakan input yang diimport. Barangan pengguna yang diimport juga secara langsung menjadi lebih murah. Manakala, barangan pengguna yang dikeluarkan di dalam negara turut berkemungkinan menjadi lebih murah

sekiranya penjimatan kos pengeluaran oleh pengeluar disalurkan kepada pengguna. Keadaan ini dijangka memberi penekanan menurun kepada kadar inflasi.